



KEMENTERIAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**BAGI**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KWP DAN AGENSI  
BILANGAN 1/2022**

**DEWAN SERBAGUNA  
MENARA SERI WILAYAH  
WP PUTRAJAYA**

**24 JANUARI 2022 (ISNIN)  
JAM 10.00 PAGI**

## **Assalamualaikum WBT dan Salam Keluarga Malaysia**

**1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, dapat kita hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi tahun 2022.**

**2. Sepanjang tahun 2021, kementerian telah memperkenalkan pelbagai inisiatif berimpak tinggi dalam usaha mengukuhkan jaringan keselamatan sosial bagi warga Wilayah Persekutuan. Bantuan 52,000 unit bakul makanan MYFood@Wilayah telah diagihkan kepada warga miskin di Wilayah Persekutuan bermula Oktober hingga Disember 2021. Ini bagi memastikan kelangsungan hidup warga kota termasuk bagi mereka yang kehilangan sumber pendapatan.**

**3. Kementerian Wilayah Persekutuan terus komited dalam menyediakan rumah mampu milik yang selesa kepada warganya. Untuk golongan B40, Residensi Prihatin Keluarga Malaysia menawarkan unit kediaman sendiri pada harga tidak melebihi RM200,000. Selain itu, sebanyak 38 unit rumah telah diserahkan kepada penerima yang layak di bawah Program Baiti Jannati Keluarga Malaysia pada tahun 2021.**

**4. Atas dasar keprihatinan dan kebersamaan, KWP dan agensi-agensi juga sangat komited menghulurkan bantuan dan mengatur gerak kerja bagi operasi membantu, menyelamatkan dan membersihkan kawasan yang terkesan dengan banjir di luar Wilayah Persekutuan. Jutaan terima kasih kepada pasukan KWP dan agensi yang telah menjadi Sukarelawan Misi Bantuan Pasca Banjir ke Taman Sri Muda, Hulu Langat, Temerloh, Bentong, Karak, Mukim Labu, Bukit Changgang, Labohan Dagang, Jelebu, Segamat dan Alor Gajah yang terjejas teruk baru-baru ini akibat banjir. Anda semua hebat!**

**Warga KWP dan agensi yang hebat sekalian,**

**5. 'Keluarga Malaysia' adalah tema yang dipilih bagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (sHWP) tahun ini. Tema ini berupaya memberikan impak yang sangat positif dalam memupuk nilai rasa sayang serta merangsang aspirasi 'Our City Our Home', sekali gus memperkukuh lagi semangat muhibbah serta integrasi antara kaum di Wilayah Persekutuan.**

**6. Sepanjang Januari dan Februari ini, sebanyak 65 program telah disusun atur sebagai pengisian SHWP 2022, yang khusus untuk semua lapisan masyarakat, dari kanak-kanak, belia, dewasa dan juga keluarga. Aktiviti-aktiviti itu merangkumi enam teras utama iaitu Pengiktirafan; Ilmiah & Pendidikan; Usahawan; Kemasyarakatan; Seni & Budaya; serta Sukan.**

**7. Oleh itu warga kerja KWP dan agensi, tidak kira di Kuala Lumpur, Putrajaya mahupun Labuan, marilah semua bersama-sama turut serta dalam setiap program yang dianjurkan ini.**

**Hadirin sekalian,**

**8. KWP akan terus memberi penumpuan kepada mendokong konsep Keluarga Malaysia sebagai suatu dasar utama untuk menghadapi cabaran dan krisis semasa, serta membantu merealisasikan hasrat agar Malaysia menjadi negara maju serta berpendapatan tinggi, khususnya di Wilayah Persekutuan. Konsep ini akan menjadi teras hala tuju penzahiran penyampaian perkhidmatan KWP dan agensi.**

**9. Akhir kata, saya berharap agar semua penyampaian perkhidmatan di Wilayah Persekutuan akan mengutamakan kebajikan, kesejahteraan, baik dari aspek ekonomi, sosial dan kerohanian selari dengan moto Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin, Sihat dan Selamat.**